

# PERUTUSAN PENGERUSI

## **Para pemegang saham dan pihak berkepentingan yang dihormati,**

Saya berbesar hati untuk berkongsi pandangan mengenai prestasi F&NHB bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 September 2024 (TK2024).

Selepas sambutan meriah ulang tahun ke-140 pada TK2023, tahun ini bermungkinan besar menjadi kurang memberangsangkan. Namun, kenyataan membuktikan sebaliknya. TK2024 merupakan satu lagi tahun yang penuh dengan peristiwa, membolehkan kami terus memperteguh Kumpulan pada tahap asas sambil menyediakan asas kukuh untuk merangsang pertumbuhan yang lebih besar.

Yang lebih menggembirakan, tindakan dan pencapaian kami telah memperkukuh komitmen kami untuk menyampaikan “Nikmat Sebenar, Kebaikan Sejati” secara mampan, sekali gus memastikan setiap usaha pembangunan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Sepanjang tahun ini, kami telah mengenal pasti peluang untuk menjana nilai daripada operasi sedia ada demi kepentingan perniagaan serta rangkaian pihak berkepentingan yang semakin berkembang. Dengan memanfaatkan peluang ini, kami berjaya memperkasa hubungan dengan pemegang saham, pelanggan, rakan kongsi, pekerja, dan masyarakat secara keseluruhannya.

**Y.A.M. TENGKU SYARIF BENDAHARA PERLIS SYED BADARUDIN  
JAMALULLAIL IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**

Pengerusi



### MENJANA NILAI UNTUK MASA DEPAN

Kami telah mencapai kemajuan besar tahun ini, dengan tiga pencapaian utama yang menyerlah dalam usaha mencipta nilai perniagaan untuk masa depan.

Setelah memperoleh Sri Nona dan Cocoaland pada TK2022, kami memberi tumpuan kepada pengemasan dan penyeragaman operasi serta sistem digital bagi kedua-dua perniagaan di bawah satu entiti, sejajar dengan visi perniagaan yang dinamik dan siaga masa depan. Pendekatan ini memungkinkan cara kerja yang lebih seragam, peningkatan kecekapan operasi dan proses membuat keputusan yang lebih baik. Pada masa yang sama, enam jenama utama, termasuk kegemaran ramai seperti LOT 100, KOKO JELLY dan COCOPIE, telah menjalani penyegeran jenama dengan penampilan dan pembungkusan baharu yang lebih menarik.

**“Pengembangan jejak serantau kami diperkuat dengan pembinaan kilang baharu di Zon Ekonomi Khas Suvannaphum, Kemboja.”**



Pengembangan jejak serantau kami diperkuat dengan pembinaan kilang baharu di Zon Ekonomi Khas Suvannaphum, Kemboja. Pencapaian ini merupakan komponen penting dalam strategi pertumbuhan kami untuk memantapkan kehadiran kami di Indochina, menyesuaikan operasi dengan keadaan setempat, meningkatkan kestabilan rantaian bekalan, dan mencipta peluang pekerjaan yang memberi impak positif kepada komuniti setempat. Pengembangan ini mencerminkan dedikasi kami terhadap pertumbuhan mampan serta sumbangan kami kepada pembangunan sosioekonomi di kawasan yang kami berkhidmat.

Di Gemas, kami telah mencapai kemajuan yang berterusan dalam projek F&N AgriValley dengan asas ladang yang kini berjaya disiapkan. Walaupun terdapat kelewatan baru-baru ini yang menyebabkan ketibaan kumpulan pertama heifer tergendala, saya tetap yakin bahawa kami mampu merealisasikan aspirasi kami untuk menyumbang kepada keselamatan makanan negara, selaras dengan wawasan Malaysia Madani.

### MENJANA NILAI UNTUK PIHAK BERKEPENTINGAN

Jenama F&N telah berkembang pesat sepanjang 141 tahun yang lalu kerana kami sentiasa teguh dalam menunaikan janji untuk menyampaikan Nikmat Sebenar, Kebaikan Sejati. Sejak permulaan, F&N telah menggemblirakan pengguna dengan produk yang bukan sahaja enak tetapi juga berkhasiat. Kebelakangan ini, kami memberi penekanan yang lebih besar terhadap kebaikan produk kami sebagai usaha menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih sihat.



#### KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

**RM697.0  
juta**

#### DIVIDEN TAHUNAN

**63 sen  
sesaham\***

#### KEUNTUNGAN TAHUNAN

**RM544.3  
juta**

#### PENDAPATAN ASAS SESAHAM

**148.2 sen**

\* Termasuk cadangan dividen akhir sebanyak 33.0 sen sesaham, yang hanya akan diiktiraf dalam penyata kewangan selepas mendapat kelulusan pemegang saham.

## PERUTUSAN PENGERUSI

Tahun ini, bersempena dengan pelancaran kempen kesihatan kami, Jom Sihat, Kekal Cergas, kami memperkenalkan F&N SEASONS Ice Lemon Tea Zero Sugar, yang menambah kepada portfolio Pilihan Lebih Sihat kami yang sudah luas. Kami juga memperkenalkan 100PLUS ZERO dalam tin, menjadikannya lebih mudah diakses oleh pengguna.

Sebagai sokongan terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia, kami mengedarkan 100PLUS sepanjang musim panas yang melanda negara dari April hingga Jun, bagi menyediakan penghidratan di lebuhraya utama semasa rakyat Malaysia balik kampung pada bulan Ramadan.



**“Sebagai sokongan terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia, kami mengedarkan 100PLUS sepanjang musim panas yang melanda negara dari April hingga Jun, bagi menyediakan penghidratan di lebuhraya utama semasa rakyat Malaysia balik kampung pada bulan Ramadan.”**

Kami juga melanjutkan kerjasama 100PLUS dengan Majlis Sukan Negara (MSN) untuk lima tahun lagi sehingga 2028, sambil meneruskan peranan kami sebagai Penaja Isotonik dan Elektrolit Rasmi eksklusif sejak 2000. Pelanjutan ini memberi kami peluang untuk terus menyumbang kepada sukan Malaysia dan mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia.

Sementara itu, F&N Dairies Thailand (FNDT) menyahut tren yang semakin berkembang untuk produk kesihatan dan kesejahteraan dengan melancarkan Magnolia Ginkgo UHT yang diformulasikan semula, kini dengan kandungan Ginkgo yang dua kali ganda dan kandungan Vitamin B12 yang lebih tinggi. Selain itu, FNDT turut memperkenalkan NutriWell Soy Milk UHT dalam dua perisa - Minyak Biji Rami dan Oat & Quinoa, masing-masing kaya dengan protein, vitamin dan serat.

Satu lagi cara kami mencipta nilai sosial adalah melalui promosi industri Halal, dengan memastikan keterangkuman dalam pasaran makanan dan minuman (F&B). Selain daripada produk kami, kami terus berperanan sebagai peneraju pemikiran dalam ruang Halal, bekerjasama dengan pihak berkepentingan seperti Halal Development Corporation Berhad (HDC) untuk meningkatkan kesedaran tentang kualiti dan kepelbagaian tawaran Halal. Tahun ini, kami mengambil bahagian dalam Persidangan Perniagaan Halal Dunia anjuran HDC semasa Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2024, dan bertukar pengetahuan sebagai ahli panel dalam topik Membangunkan Masa Depan Mampan Melalui Ekonomi Halal.

Pada bulan April, kami mengambil bahagian dalam acara Halal Business Linkage and Business Matching, sebuah platform yang dianjurkan oleh HDC untuk memupuk kerjasama antara syarikat besar tempatan dan multinasional serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Di acara tersebut, lebih daripada 15 PKS berinteraksi dengan Kumpulan sebagai calon vendor semasa sesi Padanan Perniagaan. Sementara itu, Kumpulan terus membimbing enam PKS di bawah Program Sumber Halal dengan kerjasama HDC, dengan empat PKS telah berjaya disahkan sebagai vendor kami.



Pekerja kami sentiasa merupakan salah satu pihak berkepentingan yang paling penting, dan kami memberi keutamaan kepada kesejahteraan pekerja kami melalui inisiatif profesional dan peribadi. Untuk mempromosikan gaya hidup yang sihat, kami telah menganjurkan pelbagai kejohanan sukan, latihan mingguan, dan sesi ceramah kesihatan. Kami juga terus menyediakan vaksinasi influenza percuma kepada lebih daripada 1,200 pekerja dari 19 lokasi di seluruh negara tahun ini.

Hari ini, sementara kami mempercepat pendigitalan operasi, kami memastikan semua pekerja mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan cara kerja baharu. Kira-kira 100 pekerja mengikuti latihan AI tahun ini sebagai sebahagian daripada program penerapan Gen-AI. Pada tahun hadapan, matlamat kami adalah untuk memastikan setiap eksekutif dalam tenaga kerja kami memahami asas-asas Gen-AI, cara teknologi tersebut dapat dimanfaatkan di tempat kerja, serta kepentingan keselamatan dan perlindungan data.

Satu program yang amat bermakna bagi saya ialah Anugerah Pengerusi F&N, yang memberi penghargaan kepada pencapaian akademik dan kokurikulum anak-anak pekerja kami. Pada bulan Februari, kami telah menyampaikan sejumlah RM260,000 kepada 89 pelajar sekolah atas prestasi cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) dan pendidikan tinggi.

**“Pada bulan Februari, kami telah menyampaikan sejumlah RM260,000 kepada 89 anak pekerja kami atas pencapaian akademik dan kokurikulum mereka yang cemerlang.”**



Sama seperti kami menyokong dan membimbing pekerja kami, mereka juga memberi sumbangan sepenuhnya kepada program komuniti kami yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan terpinggir dan kurang bernasib baik, serta memberi bantuan kepada mangsa bencana alam.

Di Malaysia Timur, pasukan kami telah menghulurkan bantuan kepada lebih daripada 60 rumah yang terjejas akibat banjir di Kuching dan Kota Kinabalu, dengan mengedarkan produk kami seperti air minuman F&N Ice Mountain, susu Kacang Soya F&N SEASONS, F&N Magnolia UHT, 100PLUS ZERO, dan Sri Nona Ketupat ketika mereka menghadapi banjir yang melanda secara tiba-tiba.

Pada TK2024, kami membawa perubahan positif kepada lebih daripada 100,000 nyawa dalam kalangan komuniti kurang bernasib baik melalui inisiatif sosial kami. Banyak daripada aktiviti ini dijalankan dengan kerjasama rakan

kongsi seperti Yayasan Bursa Malaysia, Kementerian Pendidikan, MySkills Foundation, Mydin, Yayasan Kebajikan Atlet Negara (YAKEB), dan Majlis Sukan Negara.

Seiring dengan pengembangan kehadiran kami di Malaysia Timur, kami ingin memberi sumbangan yang bermakna kepada komuniti tempatan di sana. Pada 2024, kami telah bekerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan Bung Jagoi (JADC) untuk menanam 200 pokok di kampung Bidayuh Bau, Kuching – sebagai permulaan kepada kerjasama lebih besar kami dalam usaha pemuliharaan air di Kampung Warisan Bung Jagoi, Sarawak. Inisiatif ini akan memastikan akses kepada air bersih dan menyokong ekopelancongan, dan memberi manfaat kepada komuniti Bidayuh Jagoi. Sementara itu, di Kota Kinabalu, kami bekerjasama dengan Majlis Pelabur Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) (KIC) dalam program untuk melindungi dan memelihara Sungai Telipok, yang mengalir di sekitar KKIP.

## PERUTUSAN PENGERUSI

Di Thailand, kami mempertingkatkan sokongan kami untuk Sekolah Wat Kok Mayom, yang terletak berhampiran kilang Rojana kami, dengan menyumbangkan 20 set komputer kepada sekolah tersebut. Sumbangan ini bertujuan untuk meningkatkan peluang pendidikan bagi pelajar tempatan, memberikan mereka teknologi dan sumber yang penting untuk menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan akademik mereka.

Semasa kami membangunkan ladang di F&N AgriValley, kami juga mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat di sekitar Gemas, Negeri Sembilan untuk lebih memahami keperluan mereka dan menyumbang kepada ekonomi serta alam sekitar tempatan. Sehingga kini, kami telah berhubung dengan lebih daripada 20 institusi, termasuk sekolah-sekolah tempatan, Pejabat Daerah Kecil dan Tanah Gemas, Pejabat Daerah Tampin dan Polis Diraja Malaysia, melalui pelbagai aktiviti yang merangkumi pertandingan sukan mesra, perbincangan meja bulat, dan ceramah pendidikan untuk kanak-kanak.

Prestasi kami pada tahun kewangan ini mengukuhkan lagi ketahanan kami dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Kami mencatatkan keuntungan yang amat membanggakan dan mengekalkan kedudukan tunai yang kukuh walaupun dengan peningkatan kos permulaan dan cukai. Dengan sukacitanya, saya ingin memaklumkan bahawa Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk menawarkan dividen akhir berperingkat tunggal sebanyak 33 sen sesaham, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Jumlah dividen untuk tahun ini akan berjumlah 63 sen sesaham (TK2023: 60 sen sesaham tidak termasuk dividen khas tambahan sebanyak 17 sen sesaham), dan membawa jumlah pembayaran dividen untuk TK2024 kepada RM231.1 juta.

**“Jumlah dividen untuk tahun ini akan berjumlah 63 sen sesaham, dan membawa jumlah pembayaran dividen kepada RM231.1 juta.”**



### MENJANA NILAI MELALUI KEMAMAPANAN

Di F&NHB, kami percaya dengan teguh bahawa penerimaan kemampanan membolehkan kami menjana nilai bukan sahaja untuk kami dan pemegang saham, tetapi juga untuk pihak berkepentingan, komuniti, dan alam sekitar dalam jangka panjang. Objektif kami adalah untuk memastikan setiap keputusan yang kami buat mengambil kira impak alam sekitar dan sosial. Sepanjang beberapa tahun yang lalu, F&NHB telah membuat pelaburan signifikan untuk meningkatkan dan mengadaptasi amalan yang lebih mesra alam, dan mengukuhkan komitmen kami terhadap masa depan yang mampan untuk semua.

Kami terus berkembang dalam menyelaraskan dengan cadangan Pasukan Petugas Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD) untuk menangani risiko dan peluang perubahan iklim kami. Kini memasuki tahun ketiga kami dengan TCFD, kami juga sedang melihat peluang peralihan seperti peningkatan ketersediaan teknologi rendah karbon terutamanya tenaga boleh diperbaharui.

Tahun ini, menyedari bahawa operasi ladang tenusu akan membawa kepada isu alam sekitar yang baru, satu penilaian materialiti telah dijalankan untuk mengenal pasti dan menangani isu utama yang berkaitan dengan penternakan tenusu. Kajian unjuran karbon untuk menganggarkan jejak karbon ladang juga sedang dijalankan, selepas itu kami akan mencipta strategi pengurangan karbon yang khusus untuk mengurangkan impak karbon kami.

Kami telah mengekalkan komitmen kami terhadap tenaga boleh diperbaharui dengan meningkatkan kapasiti solar fotovoltaik (PV) di seluruh operasi kami. Tahun ini, kami menambah lebih daripada 6.38 MWp panel solar PV di lima kilang kami di Malaysia, seterusnya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 6,600 MT CO<sub>2</sub>e setiap tahun, sambil mencapai penjimatan sebanyak RM3.9 juta setahun.

## PERUTUSAN PENERUSI

Selain itu, kami telah melaksanakan inisiatif penetapan harga karbon dalam, alat penting yang mendorong tanggungjawab dan memajukan usaha pengurangan karbon di seluruh unit perniagaan kami. Dengan menetapkan kos untuk pelepasan karbon, inisiatif ini menggalakkan amalan yang lebih efisien dan mampan, serta mengukuhkan komitmen kami untuk mencipta masa depan rendah karbon. Sementara itu, latihan secara menyeluruh mengenai ESG berjalan dengan baik, dengan Lembaga Pengarah dan Pengurusan menjalani sesi mengenai Piawaian IFRS.

Komitmen kami untuk membina 'perniagaan yang lebih baik,' menyumbang kepada 'planet yang lebih baik,' dan memupuk 'masyarakat yang lebih baik' melangkaui persekitaran kami kepada pihak berkepentingan luar. Melalui Program Anugerah Rakan Niaga F&N, kami terus menyokong dan mempertingkatkan rakan perniagaan kami, dan membantu mereka meningkatkan kualiti perkhidmatan dan menggalakkan keselarasan dengan nilai dan matlamat kemampanan kami. Sehingga kini, program tahunan ini telah memberdayakan 19 pembekal tempatan di Malaysia untuk berkembang bersama F&NHB dan menjadi pembekal serantau.

Di Thailand, kami telah giat membangunkan keupayaan lebih daripada 2,000 petani dari 10 koperasi tenusu melalui Sistem Kecemerlangan Tenusu kami sejak 2013.

Program ini merangkumi inisiatif pembinaan kapasiti, pembekalan peralatan dan teknologi, serta audit berkala untuk meningkatkan produktiviti, kualiti, dan amalan kemampanan penternak sebagai sebahagian daripada pendekatan ekonomi kitaran.

Tahun ini, kami menyokong Koperasi Tenusu Lam-Phaya Klang di Wilayah Saraburi dengan menyediakan Pengira Sel Somatik untuk membantu meningkatkan kualiti susu segar. Inisiatif ini menyumbang kepada usaha kerjasama dalam meningkatkan standard pengeluaran susu, memastikan kualiti dan keselamatan yang lebih tinggi untuk pengguna. Selain itu, pasukan kami di Thailand mengukuhkan lagi komitmen alam sekitar kami dengan menanam 450 pokok dan 1,200 biji benih di tanah liat di Taman Hidupan Liar Salakpra, Wilayah Kanjanaburi.

**“Sejak 2013, kami telah giat membangunkan keupayaan lebih daripada 2,000 petani dari 10 koperasi tenusu di Thailand melalui Sistem Kecemerlangan Tenusu kami.”**



## PERUTUSAN PENERUSI

### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

Kami berusaha mencapai kecemerlangan dalam operasi kami untuk mencipta nilai bagi Kumpulan dan pihak berkepentingan yang dihargai; dan kami amat berbangga apabila usaha kami diiktiraf. Sepanjang tahun ini, kami telah menerima anugerah yang mengesahkan tadbir urus korporat, usaha kelestarian, amalan sumber manusia serta prestasi jenama kami.

F&NHB adalah antara 50 syarikat teratas yang menerima Anugerah Kecemerlangan yang dianjurkan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti di Anugerah Tadbir Urus Korporat & Kelestarian Kebangsaan (NACGSA) 2024. Pencapaian ini merupakan hasil daripada ketelusan dan integriti yang diterapkan melalui tadbir urus yang baik, serta penyesuaian yang lebih baik dengan TCFD. Kami juga meraih kemenangan di 'Building Trust Awards 2021' PwC dalam kategori Indeks FBM Mid-70, dengan dua sebutan khas untuk Analisis Persepsi Kepercayaan Awam PwC Malaysia dan Analisis Penanda Aras Laporan ESG."

Komitmen kami untuk memberdayakan pekerja melalui persekitaran kerja yang kondusif, latihan berterusan, dan penglibatan aktif juga telah diiktiraf. Ini termasuk empat kemenangan di Employee Experience Awards 2024, antaranya ialah Anugerah Emas untuk Innovative and Sustainable Office Design; serta dua Anugerah Perak untuk Best Rewards and Recognition Programme, dan strategi komunikasi Sumber Manusia kami;

Di Anugerah Jenama Majikan Terbaik Malaysia 2024, F&NHB diiktiraf atas Kecemerlangan dalam Latihan dan Pengurusan Bakat; manakala F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (Malaysia Timur) diberi penghormatan atas Promosi Kesihatan di Tempat Kerja; dan Sri Nona Food Manufacturing Sdn Bhd menerima Anugerah untuk Strategi Sumber Manusia Terbaik Selaras dengan Perniagaan.

Sementara itu, kami berbangga untuk memaklumkan bahawa Kumpulan telah naik dari kalangan 5 Majikan Terbaik Pilihan Graduan dalam kategori Barang Pengguna Bergerak Pantas (FMCG) ke 3 Majikan Terbaik Pilihan di Anugerah Pilihan Graduan 2024.

Antara jenama kami, 100PLUS sekali lagi dinobatkan sebagai Pemenang Emas dalam kategori Minuman Tidak Beralkohol di Anugerah Jenama Putra 2023, yang juga dikenali sebagai Anugerah Pilihan Rakyat. Ini mengesahkan hubungan yang kukuh yang telah terjalin dengan pengguna, yang merupakan sesuatu yang kami hargai dan akan terus kembangkan.

Sementara itu, FNDDT meraih lima anugerah, termasuk CSR-DIW Continuous Award 2024 daripada Jabatan Pekerjaan Perindustrian, Anugerah Sifar Kemalangan 2024 daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Thailand, dan Anugerah Industri Hijau Tahap 4 daripada Jabatan Pekerjaan Perindustrian. Anugerah-anugerah ini merupakan bukti tumpuan kami terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja kami serta cara kami bekerja.

### PENGHARGAAN

Pencapaian yang dinikmati oleh F&NHB hari ini merupakan hasil bukan sahaja daripada dedikasi semua pihak dalam Kumpulan, tetapi juga sumbangan dan sokongan yang tidak ternilai daripada pihak berkepentingan kami. Oleh itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan perniagaan, pembekal, dan pengedar kami, serta pelanggan dan pengguna kami, dan terutama sekali kepada pemegang saham kami atas sokongan mereka selama ini.

Saya berasa berbesar hati dapat bekerja bersama pasukan pengurusan yang bijaksana serta mendapat sokongan daripada Lembaga Pengarah yang berdedikasi dan pelbagai. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh pasukan kepimpinan atas usaha mereka mengemudi Kumpulan melalui pelbagai cabaran tanpa mengubah hala tuju kami dalam mengembangkan jenama dan menjana nilai untuk semua. Yang paling penting, penghargaan yang tulus kepada semua pekerja kami atas kerja keras dan sokongan padu terhadap visi F&NHB.

Tahun ini, kami juga mengucapkan selamat tinggal kepada Encik David Siew, yang akan meninggalkan kami selepas Mesyuarat Agung Tahunan setelah menamatkan penggal sembilan tahun beliau sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas perkhidmatan beliau yang berdedikasi dan sumbangan yang tidak ternilai sepanjang sembilan tahun yang lalu. Kami mengucapkan selamat berjaya dalam segala usaha beliau pada masa akan datang.

Kepada semua pihak berkepentingan, saya ingin menegaskan semula komitmen F&NHB terhadap pertumbuhan mampan yang akan membolehkan kami mencipta lebih banyak nilai untuk anda. Tahun ini merupakan tahun yang sangat progresif dalam aspek ini, dan kami menantikan hasil daripada usaha kami dalam masa terdekat.

**Y.A.M. TENGGU SYARIF BENDAHARA PERLIS  
SYED BADARUDIN JAMALULLAIL  
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**  
Pengerusi

